

# ISU PEMANTAUAN DALAM KALANGAN PEMIMPIN SEKOLAH TERHADAP PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

Fakhri bin Abdul Khalil  
*Universiti Utara Malaysia*

Mohd Isha bin Awang  
*Universiti Utara Malaysia*

## ABSTRAK

*Pemantauan dalam kalangan pemimpin sekolah terhadap Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah amat penting untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Pemantauan akan dapat membantu guru menyelaraskan aktiviti pengajaran, merangsang guru untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang dan menghasilkan pentaksiran yang berkualiti. Sehubungan itu, pentaksiran yang dilaksanakan akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Namun begitu, sejak kebelakangan ini banyak keluhan dari guru-guru tentang pemantauan dalam pelaksanaan PBS. Maka kertas konsep ini membincangkan isu-isu berkaitan ketidaksungguhan kepimpinan sekolah dalam pemantauan PBS dan beberapa permasalahan pemimpin sekolah dalam melaksanakan pemantauan PBS. Perkara yang dibincangkan adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam gelombang yang pertama (2013-2025) iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia akan menumpukan peningkatan kualiti pengajaran dengan meningkatkan kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Kertas konsep ini juga telah mengemukakan beberapa cadangan bagi penambahbaikan kualiti dalam pemantauan pemimpin sekolah terhadap pelaksanaan PBS.*

**Kata Kunci:** Pemantauan, Pemimpin sekolah, Pentaksiran Berasaskan Sekolah

## PENGENALAN

Program Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan suatu sistem pentaksiran alternatif kerajaan dengan mengkaji semula sistem pentaksiran dan penilaian sedia ada dalam usaha menjadikan persekolahan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), (2012) telah memberi fokus kepada pemantapan sistem pentaksiran dan penilaian masa kini supaya lebih holistik dan autentik. Sehubungan itu, PBS amat penting kerana pentaksiran tersebut meliputi

prestasi pelajar secara menyeluruh serta menepati matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).


Menurut Khodori (2008), lima komponen utama sebagai pelengkap dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) menjelang 2011 ialah pentaksiran sekolah, pentaksiran pusat, pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum dan ujian psikometrik. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) termasuk dalam komponen pentaksiran pusat merupakan sebahagian daripada aktiviti yang menyumbang kepada kejayaan SPPK pada masa akan datang. Antara matlamat PBS adalah untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi seseorang pelajar dalam pembelajaran, menilai aktiviti yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, mendapatkan maklumat secara berterusan tentang pengajaran dan pembelajaran serta merancang dan membaiki pengajaran dan pembelajaran (Mohd Isha, 2011).

Sehubungan itu, pendidikan yang bersifat holistik perlu diperkasa bagi memenuhi tuntutan pendidikan serta menangani cabaran kehidupan masa kini dan masa hadapan. Kementerian Pendidikan Malaysia (2011), telah membuat penghijrahan pentaksiran berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran yang holistik, seimbang, fleksibel, adil dan merujuk standard. Gabungan hasil pentaksiran oleh pusat dan sekolah yang telah dirangka selari dengan matlamat pendidikan ini diberi nama Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) (Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020, 2012). Pentaksiran yang dikendalikan secara bersama oleh Lembaga Peperiksaan dikenali sebagai Peperiksaan Pusat dan pentaksiran yang dikendalikan oleh sekolah dikenali sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (Lembaga Peperiksaan, 2011).

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan. Komponen PBS terdiri daripada bidang akademik dan bukan akademik seperti Rajah 1. Bidang akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala bidang bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua-dua bidang ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berdasarkan sekolah (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012) membahagikan pentaksiran kepada dua bentuk iaitu pentaksiran berpusat dan juga pentaksiran dalaman di peringkat sekolah. Selain itu, perbezaaan antara pentaksiran berpusat dan dalaman berkait rapat dengan perbezaan fungsi pentaksiran formatif dan sumatif.

Pada peringkat pusat, pentaksiran ditadbir, diperiksa, direkod di peringkat sekolah oleh guru berdasarkan peraturan pentaksiran, instrumen pentaksiran, tugasan,



Rajah 1: Komponen PBS

garis panduan, peraturan penskoran, penggredan dan pelaporan yang dikeluarkan oleh LP (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Pentaksiran tersebut perlulah mengikut tempoh masa dan mata pelajaran yang ditetapkan oleh LP. Pentaksiran pada peringkat ini dijalankan secara *one-off* sahaja, di mana pentaksiran semula tidak dibenarkan. Pentaksiran sumatif ini digunakan untuk tujuan pemilihan, memastikan akauntabiliti standard persijilan, mengawal kandungan kurikulum dan juga pengajaran guru. PP bagi peringkat sekolah rendah dilaksanakan pada Tahap 2 manakala PP bagi peringkat menengah rendah dilaksanakan di Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

Pentaksiran dalaman atau pentaksiran sekolah adalah pentaksiran yang dirancang, dibina, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru sekolah berkenaan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Pentaksiran sekolah berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*). Pentaksiran formatif dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran manakala pentaksiran sumatif dijalankan pada setiap unit pembelajaran, penggal, bulan dan tahun (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Namun begitu, pentaksiran sekolah amat menekan pentaksiran formatif supaya dapat meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na’imah, 2011). Sehubungan itu, pentaksiran formatif ini lebih berfokus untuk diagnostik, mendapat maklumbalas, motivasi, mengesan kekuatan dan kelemahan pembelajaran pelajar serta pengajaran guru bagi tujuan tindakan susulan (Raffan, 2002).

Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan PBS dilakukan melalui pementoran, penyelarasan, pemantauan dan pengesanan. Sehubungan itu, pentaksiran di

bilik darjah yang digabungkan dengan pentaksiran berpusat memerlukan satu mekanisma pengoperasian dari segi pemantauan terhadap pentaksiran guru yang berbentuk penyelarasan atau penyetaraan. Dapatan kajian Hamdan (2011), menunjukkan bahawa amalan pemantauan terhadap pengajaran dalam bilik darjah dapat meningkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran guru. Malahan dalam kajian ini juga mendapati bahawa guru amat bersetuju pemantauan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan itu, penjaminan kualiti dalam PBS menjadi keutamaan dalam semua aspek dan peringkat pentaksiran kerana pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap penguasaan murid (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2012). Penjaminan kualiti ini melibatkan jawatankuasa pelbagai peringkat seperti KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah.

## **AMALAN PEMANTAUAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH**

Penjaminan kualiti dalam pelaksanaan PBS dilakukan melalui pemantauan, pementoran, penyelarasan dan pengesanan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012) dengan bantuan pihak sekolah, KPM, JPN, dan PPD. Penjaminan kualiti merupakan piawaian untuk menentukan kualiti pelaksanaan PBS mengikut garis panduan yang ditetapkan. Perkara ini amat penting kerana pentaksiran bilik darjah menyumbang secara langsung kepada pentaksiran pusat, seterusnya akan membawa implikasi kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti dan bias (Raffan,2002). Sehubungan itu, penjaminan kualiti dari segi pemantauan adalah bertujuan untuk memastikan PBS dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan skor, kebolehtadbiran instrumen dan keadilan kepada murid (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Penjaminan kualiti juga menjadi keutamaan dalam semua aspek dan peringkat pentaksiran kerana pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap penguasaan murid. Selain itu, maklumat yang tepat boleh membantu pembuat dan penentu dasar melakukan perubahan bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, selari dengan pendapat Othman (2011), bahawa dalam mencadangkan perubahan yang ingin dilakukan ke atas amalan pentaksiran, perlu dipertimbangkan kepercayaan guru, pembuat dasar dan orang ramai yang masih kuat berpegang kepada pengukuran akademik semata-mata. Hall dan Hord (2001) juga berpendapat bahawa dalam usaha memantau perubahan, seseorang pemimpin organisasi perlu mencari jalan untuk menjangka dan memudahkan perubahan di peringkat individu guru. Sehubungan itu, segala maklumat serta pengetahuan berkaitan inovasi PBS yang hendak disampaikan kepada guru-guru perlulah jelas dan mudah difahami.

Objektif pemantauan pihak LP ialah memastikan arahan pelaksanaan PBS dipatuhi, mengenalpasti masalah pelaksanaan PBS oleh guru di sekolah, membantu menyelesaikan masalah pelaksanaan PBS, mengelakkan berlakunya penyelewengan dan ketidakakurran, dan menyediakan laporan pelaksanaan PBS untuk tujuan penambahbaikan. Pemantauan PBS di sekolah melibatkan pemantauan dalaman dan pemantauan luaran. Pemantauan dalaman dilaksanakan oleh pihak sekolah yang terdiri daripada pentadbir dan guru-guru yang dilantik sebagai jawatan kuasa PBS (JK PBS). Manakala pemantauan luaran dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), LP dan pegawai dari bahagian-bahagian lain dalam KPM. Kekerapan aktiviti pemantauan adalah sepanjang tempoh pelaksanaan PBS dan mengikut jadual yang ditentukan oleh jawatan kuasa PBS (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Pelaksanaan pemantauan PBS merangkumi tiga peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas. Sebelum pemantauan dijalankan, JK PBS peringkat JPN, PPD dan sekolah merancang pemantauan PBS. Selanjutnya JK PBS akan menyediakan instrumen pemantauan. Semasa pemantauan pula, pihak yang terlibat tersebut akan menyemak bahan dan maklumat yang dipantau, membuat perhatian pelaksanaan PBS, serta menggunakan instrumen pemantauan yang telah dilengkapi untuk memberi khidmat nasihat. Selepas pemantauan pihak berkenaan akan melaporkan dapatan pemantauan, menyenaraikan kekuatan dan kelemahan pelaksanaan PBS serta memberi cadangan tindakan susulan mengenai pelaksanaannya (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012).

## **ISU DAN CABARAN PEMIMPIN SEKOLAH DALAM PEMANTAUAN PBS**

Pihak pentadbir sekolah masih kurang keyakinan dalam membimbing dan melakukan pemantauan terhadap pengajaran guru walaupun telah mendapat pendedahan berkaitan pelaksanaan PBS. Kajian secara *online* yang dijalankan oleh LP pada September 2012 mendapati seramai 8, 205 (96%) pentadbir telah mengikuti taklimat PBS.Namun begitu, pentadbir sekolah masih belum mampu memberi penjelasan yang tepat berkaitan PBS kepada guru-guru di sekolah. Sehubungan itu, dapatan kajian LP secara *online* pada Februari 2014 juga menunjukkan bahawa kefahaman guru tentang konsep PBS yang pelbagai kerana mereka tidak mendapat bimbingan dan sokongan yang sewajarnya daripada pihak pentadbir. Selain itu, dapatan ini disokong dengan kajian secara *online* yang dibuat oleh LP melalui soal selidik Kesediaan Guru Melaksanakan PBS pada September 2012, mendapati 90% guru Tahun 1,2,dan 3 serta 83% guru tingkatan 1, tidak jelas tentang konsep pentaksiran. Guru-guru ini menyatakan pentaksiran dilakukan selepas pengajaran sedangkan pentaksiran boleh dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Stiggins 2005). Sehubungan itu, perkara ini berlaku kerana tiada pemantauan yang dibuat dan guru tidak diberi tunjuk ajar yang sepatutnya.

Hasil kajian Tan (2010), mendapati guru diminta secara am memberi gred yang baik kepada pelajar. Arahan ini secara tidak langsung mendorong pengurusan PBS ke arah sekadar mengisi keperluan markah, khasnya dalam memberi gred yang baik kepada pelajar. Penyataan ini turut disokong dalam kajian Tan yang mendapati bahawa Pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) mahupun Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ada membuat pemantauan tetapi hanya secara bertulis iaitu memeriksa laporan-laporan yang telah pun difailkan. Menurut Tan, pemantauan secara amali atau semasa proses pelaksanaan PBS kurang dilakukan di sekolah-sekolah. Pemantauan secara amali ini penting bagi melihat sendiri pelaksanaan PBS oleh guru-guru dan mengkaji di mana cacat celanya. Hal ini berlaku kerana jadual pemantauan telah disediakan pada awal tahun lagi namun pelaksanaannya tidak mengikut seperti mana yang dijadualkan. Menurut Tan lagi, pemantauan pelaksanaan PBS oleh pihak LP dan JPN yang sekadar berfokuskan kepada laporan penulisan dan menimbulkan isu mengenai akautabiliti penilaian berkenaan. Antaranya meliputi isu perbuatan penipuan termasuk pembentukan sikap murid yang tidak serius terhadap projek dan kerja lisan yang dijalankan. Perkara ini berlaku kerana pemantauan yang tidak dijalankan pada tahap amali, atau pun penekanan tidak diberi oleh pentaksir terhadap pemantauan peringkat proses.

Pemantauan terhadap pelaksanaan PBS perlu diambil berat bagi menjamin kualiti pentaksiran yang dilakukan. Kajian Yusof dan Mohd Musa (2011) terhadap 57 orang Guru besar menunjukkan bahawa peranan pemimpin amat penting dalam pemantauan dan bimbingan terhadap guru yang melaksanakan PBS bagi menjamin kejayaan SPPK. Pentadbir sekolah perlu membuat pemantauan terhadap guru yang berperanan menjalankan proses PBS ini supaya mengikuti semua langkah dan prosedur pentaksiran (LP, 2011). Hal ini demikian kerana, ketidaksungguhan guru dalam menaksir akan menjelaskan seluruh sistem pentaksiran. Kualiti pentaksiran boleh dipertikai oleh semua pihak jika guru mengambil sikap acuh tidak acuh semasa menaksir pelajar (Yaakob, 2002; Jamil, 2011). Sekiranya perkara ini berlaku, dibimbangi berlaku ketidakadilan, ketelusuran dan keseragaman dalam membuat pentaksiran terhadap pelajar, sedangkan amalan ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam menentukan murid mendapat gred yang menepati apa yang diusahakan dan diperoleh sepanjang pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pemantauan daripada pihak atasan. Perkara ini telah dibincangkan dalam kajian Tan Ai Mei (2010) di mana kurangnya pemantauan akan menjadikan guru tidak bersungguh dan leka dalam melakukan pentaksiran. Oleh itu, guru perlu dipantau dengan menggunakan satu piawai atau standard pentaksiran yang sah dan sesuai digunakan terhadap murid. Sementara itu, kajian Chan (2003), mendapati 25% guru mengatakan tiada pemantauan daripada pihak pentadbir dan tiada kerjasama dengan guru senior. Kajian ini turut mendapati pihak pentadbir juga tidak menghiraukan pelaksanaan PBS mereka dan hanya mahukan keputusan sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan pemarkahan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah menyebabkan guru

menaksir sambil lewa. Akibatnya, pemarkahan yang tidak telus berlaku ketika mentaksir kerana ketidaksungguhan dan perasaan tidak berpuas hati dalam guru yang melaksanakan PBS tersebut.

Pelaksanaan PBS amat memerlukan sokongan pemantauan dan penyetaraan yang sempurna. Hal ini demikian kerana, pentaksiran bilik darjah yang menyumbang secara langsung kepada pentaksiran pusat akan membawa implikasi kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti dan bias (Raffan, 2002). Walaupun proses penilaian bukan merupakan perkara baru dalam pendidikan, PBS adalah sesuatu yang baru dan menjadi kebimbangan kepada pihak guru dan pentadbir sekolah terutama dalam pelaksanaannya (Gardner, Harlen, Hayward dan Stobart, 2008). Kajian Fullan (2002) mendapati sebab-sebab kegagalan melakukan perubahan dalam pendidikan adalah: (1) kegagalan merancang pelaksanaan perubahan dengan baik kerana tidak memahami hakikat bahawa setiap sekolah adalah berbeza dan unik, (2) mengandaikan dapat menyelesaikan semua masalah dalam masa yang singkat, (3) sokongan yang lemah dari pihak membuat dasar dan pentadbir sekolah yang ada ketikanya menjadikan perubahan pendidikan sebagai pencapaian politik mereka, dan (4) kurang kesabaran dan membuat keputusan yang tidak tekal.

Selain itu, Cheung (2004) dan Salmiah, Ramiah, Ab. Rahim dan Abdullah (2011) juga menyatakan tahap keprihatinan guru akan meningkat daripada keprihatinan diri kepada keprihatinan tugas dan akhirnya kepada keperihatinan kesan (terhadap PBS) sekiranya proses perubahan itu dipantau dengan baik. Sehubungan itu, bagi memastikan pelaksanaan sesuatu transformasi berlangsung dengan lancar, pemantauan terhadap guru yang menjalankan PBS perlu diambil perhatian untuk menjamin kualiti pentaksiran tersebut. Seterusnya, pemantauan yang dibuat terhadap guru akan meningkatkan amalan guru dalam melaksanakan PBS.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI PEMANTAUAN PEMIMPIN SEKOLAH TERHADAP PELAKSANAAN PBS

Isu kecairan maklumat mungkin dapat diatasi jika pentadbir sekolah itu sendiri mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang baik tentang PBS. Pentadbir sekolah perlu memainkan peranan sebagai pemimpin pentaksiran di peringkat sekolah. Hasil kajian Hamdan 2011, mendapati guru-guru bersetuju bahawa melalui pemantauan, pemimpin sekolah dapat memberi input terkini berkaitan pengajaran. Sehubungan itu, pemimpin pentaksiran yang memahami maklumat berkaitan dengan pelaksanaan PBS akan berkeupayaan menjadi peneraju utama membawa misi dan visi serta mampu merealisasikan Dasar Pentaksiran Negara. Sokongan padu pentadbir sekolah dalam mengetuai pelaksanaan PBS menjadikan PBS sebagai satu sistem yang amat relevan untuk dilaksanakan dan selaras dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang sedang dilaksanakan sejak tahun 2011. Guru Besar dan Pengetua sebagai pemimpin pentaksiran perlu ada kualiti diri sehingga ahli institusi sekolah yang dipimpinnya merasa bahawa mereka adalah

pemimpin yang membawa pembaharuan dalam pentaksiran. Pemimpin pentaksiran di sekolah haruslah terlebih dahulu menguasai ilmu dalam bidang pentaksiran berbanding orang bawahannya. Ilmu dalam bidang pentaksiran termasuklah prinsip asas dalam pentaksiran pendidikan, pengendalian, penentuan standard dan peka terhadap pekeliling yang perlu dipatuhi. Sehubungan itu, pemimpin seharusnya merujuk pekeliling dan prosedur serta menggunakan kebijaksanaan yang berasaskan ilmu dan bacaan dalam bidang berkaitan. Mereka seharusnya peka dan mengambil berat tentang perubahan format dalam peperiksaan dan mata pelajaran tertentu. Seterusnya mereka hendaklah proaktif menyampaikan maklumat terbaru dan mengambil tindakan sewajarnya untuk kebaikan murid-murid.

Selain itu, amalan sebelum ini, wakil yang dipilih oleh pihak pentadbir setiap sekolah akan dihantar untuk mendapatkan ilmu PBS dan akan menyampaikan semula kepada guru-guru sama ada secara formal atau tidak formal. Kesannya, maklumat yang disampaikan tidak sepenuhnya dan kemungkinan berlaku kesilapan maklumat. Berdasarkan dapatan kajian Tan (2010) didapati guru kurang yakin melaksanakan PBS disebabkan kurang pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah perlu bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah memberi bimbingan dan pendedahan secara berperingkat dalam memperjelaskan lagi konsep PBS. Oleh itu, guru boleh bersoal jawab dan berkongsi masalah yang dihadapi serta mendapat maklum balas serta-merta. Walaupun proses penambahbaikan ini, dibuat secara perlahan-lahan namun proses pentaksiran akan berjalan dengan lancar dan masalah dalam PBS dapat diselesaikan.

Pihak pentadbir sekolah seharusnya memantau semasa proses pentaksiran berlaku dan bukan sekadar membuat laporan bertulis tanpa meneliti kualiti pengajaran guru. Hal ini demikian kerana laporan bertulis mungkin boleh direka dan bukan dalam keadaan sebenar. Maka sebaiknya pemantauan perlu dilihat sendiri oleh pentadbir sendiri untuk mengetahui tahap keberkesanannya. Pihak pentadbir juga dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa proses pentaksiran berlaku. Selain itu, penambahbaikan boleh dibuat dengan segera bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh guru. Kekerapan pemantauan juga dapat menghasilkan pentaksiran yang berkualiti. Sehubungan itu, guru-guru perlu sentiasa bersedia dengan proses sebelum, semasa dan selepas pentaksiran.

Selain itu, pemimpin pentaksiran juga perlu memberi kerjasama dengan tidak membebankan guru dengan tugas yang bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana guru perlu lebih masa untuk melakukan aktiviti pentaksiran. Dapatan Kajian Impak oleh LP pada April 2012, mendapati guru menyuarakan bahawa mereka merasa terbeban dengan PBS. Dalam kajian ini,

ada guru yang menyatakan mereka tidak dapat menghabiskan kurikulum kerana masa tidak mencukupi dan kebanyakkan guru mengajar kelas yang mempunyai lebih 35 orang murid. Selain itu, program sekolah yang kerap diadakan pada waktu persekolahan sedikit sebanyak mengganggu perancangan guru dalam melaksanakan pentaksiran.

Di samping itu, kefahaman masyarakat dalam pentaksiran pendidikan juga dapat mengelakkan daripada timbulnya masalah berkaitan dengan pentaksiran pendidikan di negara kita. Kajian Penataran dan Penambahbaikan PBS oleh LP secara online pada September 2014, mendapati tahap kefahaman dan keberkesanan penataran penambahbaikan PBS masih terdapat guru dan ibu bapa yang kurang memahami PBS. Sehubungan itu, pentadbir sekolah disaran menjadi pemimpin pentaksiran yang berwibawa supaya jurang besar antara sekolah dan LP dapat dikecilkan. LP akan sentiasa memberi bantuan dan kerjasama dalam bentuk yang munasabah dalam usaha memasyarakat pentaksiran disamping meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Sistem pentaksiran pendidikan yang berkualiti akan mengatasi pelbagai isu seperti isu kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti, pentadbiran, pemantauan dan penyetaraan.

## RUMUSAN

Pemimpin PBS perlulah sentiasa memantau dan memberi penekanan dalam aktiviti pentaksiran supaya guru dapat menghasilkan pentaksiran yang berkualiti. Di samping itu, LP, Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), JPN dan PPD juga perlu berganding bahu supaya PBS yang dilaksanakan dapat diterjemahkan kepada pihak yang berkepentingan secara tepat dan jelas. Pelajar dan ibu bapa juga perlu diberi pendedahan tentang kepentingan PBS agar memudahkan guru bekerjasama dengan mereka.

## RUJUKAN

- Chan Yuen Fook (2003). *Pendekatan Penilaian: Satu tinjauan dari aspek kesesuaianya dalam penilaian program latihan*. Jurnal pengurusan dan kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki 13(1): 65-81
- Cheung, (2004) Cheung, D. (2001). *School-based assessment in Public Examinations: Identifying the Concerns of Teachers*. Education Journal Vol.29, No.2. The Chinese University of Hong Kong.
- Gardner, J., Harlen, W., Hayward, L. & Stobart, G. (2008). *Changing Assessment Practice. Assessment Reform Group*. United Kingdom.
- Fullan, M. (2002). Leading and learning for the 21stC. *Quality Learning* Vol.1 No.3
- Hall, G.E. & Hord, S.M. (2001). *Implementing Change: Patterns, principles, and potholes*. Boston: Allyn and Bacon.

Hamdan Said & Nurlia Mohamad (2011). *Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Kota Tinggi, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.<http://www.researchgate.net/publication/49911055>

Khodori Ahmad (2008). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah – Cara Australia*. Utusan Malaysia (Sisipan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia), 26 Oktober 2006.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2012). *Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK)* (Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020).

LP (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia) (2011). *Buku Panduan Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Sekolah Rendah*. LP: Kuala Lumpur.

LP (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia) (2012). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. LP: Kuala Lumpur.

LP (Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia) (2012).<http://www.moe.my/lp>

Mohd Isha Awang (2011). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Pengetahuan Dan Amalan Guru Di Sekolah Menengah Agama Milik Kerajaan Negeri*. Proseding Bahagian Pendidikan Teknik dan vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Na'imah Ishak (2011). School based assessment as transformation in educational assessment. *Keynote in International Seminar On Measurement and Evaluation (ICMEE 4)* USM, Pulau Pinang, 9-12 Oktober

Othman Lebar (2011). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Teori, Prinsip dan Pelaksanaan, kertas kerja yang dibentang dalam Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Tahun 2011*, Institut Aminuddin Baki Genting Highland, Pahang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). KPM, Putrajaya.

Raffan J. (2002). *School-based assessment: Principles and practice*. University of Cambridge: UK.

Salmiah J., Ramiah H., Ab. Rahim B. & Abdullah M.R. (2011). *Keprihatinan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Perubahan Dalam Penilaian Pendidikan*. Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA. Universiti Putra Malaysia.

Tan, A.M. (2010). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Malaysia.Kesediaan Guru, Isu dan Panduan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Gerakbudaya Enterprise.

Yaakop b. Ederis (2002). Pentaksiran di dalam Matematik: Isu dan cabaran, kertas kerja dibentang dalam *Seminar Kebangsaan Persatuan Pendidikan Matematik Malaysia (PPMM)*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Yusof Boon & Mohd Musa Shaharudin. (2011). *Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah Daearah Kota Tinggi, Johor*. UTM, Skudai.